

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pengurusan badan dan syarikat Kerajaan Persekutuan serta Negeri dilaksanakan selaras dengan peruntukan kuasa Ketua Audit Negara di bawah Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Perenggan ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]¹ yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Kuasa ini juga meliputi sesebuah syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Selain itu, Perintah Audit (Akaun Badan Lain) 2022 [*P.U.(A) 375/2022*] menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit.
3. Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 ini meliputi tiga bahagian seperti berikut:
 - 3.1. Bahagian I: Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan – Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap enam syarikat Kerajaan Persekutuan;
 - 3.2. Bahagian II: Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dilaporkan Secara Ringkas - Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap dua syarikat Kerajaan Persekutuan; dan
 - 3.3. Bahagian III: Status Tindakan Susulan - Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan (kedudukan setakat 30 April 2024).

¹Digantikan dengan Akta Syarikat 2016

4. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek berikut:


- i. pengurusan program/aktiviti utama syarikat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat;
- ii. elemen tadbir urus korporat syarikat diamalkan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat; dan
- iii. kedudukan kewangan syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit untuk tempoh tiga tahun terkini adalah kukuh.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat yang berkenaan. Pihak pengurusan syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Penutup. Surat pengesahan (confirmatory letter) juga telah dikemukakan sebelum laporan ini dimuktamadkan. Dalam laporan ini, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kelemahan yang dikesan. Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat dan menambah baik perkara yang dibangkitkan, saya telah mengemukakan syor yang boleh diambil tindakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Penambahbaikan berterusan adalah penting bagi memastikan agenda awam yang ditetapkan dilaksana, wujudnya kelestarian jangka panjang dan penciptaan nilai tambah dalam syarikat.

6. Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN 2/2024 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Auditor General's Dashboard (AGD) di portal Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu kementerian/agensi/syarikat Kerajaan menyalurkan maklum balas dengan lebih cepat. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada pihak awam.

7. Penambahbaikan juga dibuat terhadap format LKAN 2/2024 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan bagi memastikan ia lebih ringkas dan padat, mudah dibaca dan mesra pengguna serta menunjukkan rumusan Audit yang jelas merujuk kepada objektif penubuhan syarikat.

8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai syarikat Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Audit Negara sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini mengikut masa.



(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara

Putrajaya
23 Mei 2024